



A. SYARAT-SYARAT PENANGGUHAN

1. Menggunakan Borang Penangguhan Yuran Pelajar, Borang Kiraan Had Kifayah Zakat dan Borang Pengesahan Pendapatan (jika perlu).
2. Permohonan ini **DITUTUP PADA 19 FEBRUARI 2016.**
3. Syarat-syarat penangguhan adalah seperti berikut:

2.1 Pelajar Sepenuh Masa & Separuh Masa

Pelajar Baru	Pelajar Lama
i. Lebihan pendapatan seisi keluarga sama atau kurang RM3,000 (selepas kiraan had kifayah zakat); ii. Menjelaskan sekurang-kurangnya 50 peratus (50%) daripada baki hutang sebelum menduduki peperiksaan akhir sebelum mendapat kelulusan Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni); iii. Menjelaskan baki hutang sebelum melihat keputusan peperiksaan akhir; dan iv. Sekiranya pelajar masih gagal menjelaskan seperti Perkara iii, pelajar perlu membuat rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Rayuan Pelajar melalui Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni).	i. Lebihan pendapatan seisi keluarga sama atau kurang RM3,000 (selepas kiraan had kifayah zakat); ii. Himpunan Purata Nilai Gred (HPNG) 2.30 dan ke atas; iii. Menjelaskan sekurang-kurangnya 50 peratus (50%) daripada baki hutang sebelum menduduki peperiksaan akhir sebelum mendapat kelulusan Timbalan Rektor (Pembangunan Mahasiswa & Alumni); iv. Menjelaskan baki hutang sebelum melihat keputusan peperiksaan akhir; v. Penangguhan yuran secara berulang dibenarkan dengan syarat tiada yuran tertunggak bagi yuran terdahulu; dan vi. Hanya pelajar yang mempunyai tunggakan yuran SEMESTER SEMASA SAHAJA dibenarkan memohon.

2.2 Pelajar Asasi

- a. Pelajar Asasi perlu menjelaskan yuran pengajian sebelum dibenarkan melihat keputusan peperiksaan akhir semester semasa. **Tiada permohonan penangguhan dibenarkan.**

B. KELAYAKAN PENJAMIN

Kelayakan penjamin adalah seperti berikut:

1. Penjamin perlulah di kalangan ibubapa/ suami/ isteri/ penjaga/ saudara mara.
2. Penjamin perlu mempunyai pendapatan **sekurang-kurangnya RM500.00 sebulan.**
3. Dokumen sokongan yang diperlukan jika penjamin:
 - i) **Mempunyai Majikan**
Slip gaji penjamin yang disahkan oleh majikan masing-masing; **atau**
 - ii) **Bekerja Sendiri/ Berniaga**
Borang Pengesahan Pendapatan (Penangguhan Yuran Pelajar) hendaklah mendapat pengesahan daripada Nazir Masjid (tempat tinggal)/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK @JKKP/ Penghulu/ Pengerusi Penduduk/ Jaksa Pendamai/ ADUN.

C. LAIN-LAIN SYARAT

1. Permohonan mestilah mematuhi carta alir dan proses kerja [***STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)***] yang telah ditetapkan.
2. Kelulusan penangguhan adalah tertakluk kepada had pelepasan penangguhan yang dibenarkan oleh pihak Kolej Universiti.